

UNDANG-UNDANG DASAR ATAU PERLEMBAGAAN CORAK ISLAM

Tidak berapa lama setelah “*Undang-undang Dasar Islam di Pakistan*” karangan Maulana Abū al-‘Alā al-Maududī yang saya salin ke dalam bahasa Melayu itu terbit dan dijual kepada orang ramai, maka telah berjumpa dengan seorang sahabat daripada anak bangsa kita yang lulus ilmu undang-undang dari universiti negeri Inggeris. Sahabat itu telah memberitahu kepada saya yang dia sudah membaca risalah itu lalu saya bertanya apa fikirannya. Ia pun dengan tak bertanggung lagi telah menjawab : bagus, tetapi *Not Practicable* yakni undang-undang dasar Islam seperti yang disusun oleh Abū al-‘Alā al-Maududī itu tiada boleh diamalkan atau tidak boleh ditunjukkan dalam rupa amal perbuatan. Saya telah berkata kepadanya bahawa undang-undang dasar itu bukannya “*Not Practicable*” tetapi belum ada cukup orang yang sanggup hendak menjalankannya, kerana percayakan kebajikannya dan kebajikannya. Bualan saya dengan sahabat itu hanyalah setakat itu sahaja, dan tak dapat saya bertukar-tukar fikiran dan berbahas dengannya lebih lanjut lagi kerana perjumpaan itu hanyalah terserempak dan tidak dirancang terlebih dahulu.

Oleh Ja‘far al-Bār

Perkataannya itu masih berdengung-dengung lagi di telinga saya dan masih berkisar-kisar dalam kepala saya. Saya percaya bahawa fikiran seumpama itu bukan hanya ada pada saya seorang sahaja, malahan ada pada kebanyakan – kalau tak kesemua – orang-orang kita yang terdidik secara barat, yang hanya mengenal Islam itu sebagaimana orang-orang barat mengenal agama Kristian, iaitu agama itu tempatnya di masjid-masjid atau di gereja-gereja sahaja.

Sungguhpun begitu, saya telah balik membaca risalah “*Undang-undang Dasar Islam di Pakistan*” itu kerana hendak menyimpannya semula kalau-kalau ada salah silapnya yang menjadikan perlembagaan corak Islam itu “*Not Practicable*” bagaimana kata sahabat saya itu. Setelah puas saya membaca dengan cermat dan teliti, maka saya tak dapat satu perkara pun dalam perlembagaan itu yang tidak boleh diamalkan.

Dalam penjelasan yang saya tulis sebagai pendahuluan risalah tersebut, maka saya telah sebutkan dengan secara ringkas garis-garis besar dari perlembagaan corak Islam dan saya tambahkan pula dengan keterangan-keterangan atas beberapa perkara dalam perlembagaan itu. Yang harus dipandang ganjil dan tak sesuai orang-orang kita yang terdidik

secara barat. Saya percaya bahawa apa yang saya tulis dalam pendahuluan risalah itu telah memadai bagi orang-orang yang suka hendak faham dan mengerti, dan bagi mereka yang beriman.

Kiranya corak perlembagaan Islam itu tidak sama seperti corak lain-lain perlembagaan yang ada dipakai sekarang maka yang demikian itu tidaklah boleh digunakan alasan hendak menolak dan menuduhnya *Not Practicable*.

Kalau suatu perlembagaan seperti perlembagaan komunis yang telah menurunkan taraf manusia itu kepada taraf haiwan yang mesti dikawal (*control*) segala rupa kebebasannya untuk memilih apa yang disukainya, tidak berani orang menuduhnya “*Not Practicable*” kerana perlembagaan itu sudahpun “dipraktikkan” oleh beberapa negara yang bilangan penduduk-penduduknya beratus-ratus juta banyaknya. Maka betapakah perlembagaan Islam yang telah meninggikan dan menaikkan taraf manusia itu dan memberinya kebebasan yang luas dan penuh, dituduh sebagai tidak boleh diamalkan dengan hanya kerana tak ada negeri yang mengamalkannya?!

Siapa jua yang berakal siuman, dan berfikir secara

kemanusiaan tiada akan bersetuju mengatakan bahawa sesuatu perlembagaan itu *Practicable* kerana ia sudah diamalkan, sebagaimana halnya perlembagaan komunis itu, dan bahawa sesuatu perlembagaan itu *Not Practicable*. Kerana ia tidak diamalkan. Bagaimana halnya perlembagaan corak Islam itu, perlembagaan yang dikatakan “boleh diamalkan” kerana ia sudah ada orang amalkan. Tiadalah menunjukkan bahawa pada hakikatnya perlembagaan itu, benar-benarnya boleh diamalkan (*Practicable*) kerana harus perlembagaan itu telah dijalankan dengan paksa dan kekerasan; demikian juga sesuatu perlembagaan yang dikatakan tidak boleh diamalkan (*Not Practicable*) tidak menunjukkan bahawa pada hakikatnya perlembagaan itu, sebenar-benarnya tidak boleh diamalkan kerana harus perlembagaan itu belum difaham orang dengan sebaik-baiknya. Bagaimana halnya perlembagaan Islam.

Adapun yang sebenarnya perlembagaan Islam itu bukanlah tidak boleh diamalkan, malahan belum ada orang-orang yang hendak mengamalkannya. Maka apabila telah ada orang-orang itu, nescaya akan nyatalah bahawa perlembagaan Islam itulah yang sebenar-benarnya perlembagaan yang *Practicable* dan itulah perlembagaan kemanusiaan yang semula jadi, yang dicari-cari oleh orang-orang sekarang bagi menyelamatkan dunia ini daripada kebinasaan dan hancur lebur. Akan sebab-sebabnya maka orang-orang yang hendak melancarkan dan melaksanakan perlembagaan Islam itu belum ada, ialah kerana kebanyakan orang-orang kita sekarang hanya mengenal dan mempelajari kebudayaan barat dan tamadunya, dan hanya sedikit jua yang mempelajari kebudayaan Islam dan tamadunya dengan hal yang demikian, terjadilah sebagaimana bak kata orang tua-tua “kerana tak kenal maka tak cinta”. Halnya agama Islam menjadi daging kepada pemeluk-pemeluknya sendiri, tiadalah hairan bagi kita yang telah membaca sabda Rasulullah : *bada' al-dīn gharibā wasud gharibā kamā bada'.*”
Ertinya : “Agama itu telah zahir pada mulanya sebagai dagang senteri dan gharib. Maka ia akan balik semula menjadi

dagang senteri.” tetapi hidupnya Islam sebagai daging itu tiada akan berkekal selama-lamanya. Malahan kebesarannya dan ketinggiannya akan balik semula, kerana manusia sekarang sudah terlalu amat teruk dan meluat hidup di bawah peraturan kebendaan yang ada sekarang, dan manusia itu mesti mencari tempat berlindung dan berteduh daripada kemaharajalelaan kebendaan yang ganas dan kejam. Maka tempat berteduh itu tidak lain lagi daripada Islam jua.

Apakah sebabnya perlembagaan Islam itu dituduh “tidak boleh diamalkan” ? Adakah sebenarnya ia begitu? Dan apakah yang ada di dalam perlembagaan itu hingga ia tak boleh diamalkan?

Di atas tadi saya telah berkata bahawa perlembagaan corak Islam bukanlah tak boleh diamalkan, hanya orang-orang yang hendak mengamalkannya yang belum ada. Kalau benar perlembagaan corak Islam tidak boleh diamalkan, maka sebabnya bukan kerana ada aib dan cacat padanya, tetapi aib dan cacat itu pada orang-orang sekarang yang tidak mahu disekat nafsunya yang maharajalela dan buas. Orang-orang yang tidak mahukan perlembagaan Islam itu berjalan dan menuduhnya pula “tidak boleh diamalkan” ialah kerana orang-orang itu belum mempunyai iman yang sekira-kira dengan mereka akan berasa nikmat dan bahagia pada meniggalkan arak, judi, zina, makan suap, pergaulan lelaki perempuan yang tidak berbatas, riba, dan segala perbuatan maksiat yang diingini oleh nafsu yang buas dan ditegah dengan kuatnya oleh Islam.

Orang-orang yang menuduh perlembagaan Islam tidak boleh diamalkan sebenarnya orang-orang itu tidak fahamkan Islam dan juga tidak fahamkan keadaan alam sekarang yang sangat-sangat perlu kepada suatu peraturan baharu yang tidak dapat disajikan melainkan oleh Islam sahaja. Orang-orang ini jahil dan tak sedar bahawa perlembagaan Islam itu adalah ciptaan Tuhan yang lebih mengetahui akan muslihat dan kebaikan hamba-hambanya. Adakah Tuhan menciptakan suatu peraturan yang *Not Practicable*? Maha Suci Tuhan

daripada berbuat demikian!

Saya menyeru orang-orang kita yang terdidik secara barat itu janganlah terburu-buru menuduh Islam dan ajaran-ajarannya serta peraturan-peraturan yang dibuatnya itu dengan tuduhan yang bukan-bukan seperti *Not Practicable* atau sebagainya. Kalau pun tuan-tuan hendak menuduh Islam, janganlah tuduh sebelum mempelajarinya dan mengkajinya lebih dalam. Jemputlah tuan-tuan mengkaji Islam itu sebagai suatu peraturan hidup dan bukan sebagai suatu agama. Kerana nampaknya sebutan agama, pada masa ini, sudah menjadi momok atau menjadi tanda kemunduran pada pandangan orang-orang yang ke barat-baratan. Saya mengajak tuan-tuan mempelajari Islam, kemudian kalau hendak menegur atau menuduh biarlah tuan-tuan melakukannya setelah tuan-tuan mempelajarinya sendiri. Janganlah kita menuduh agama kita atau memujinya dengan hanya meniru orang-orang orientalis yang menuduhnya atau memujinya. Biarlah puji atau keji itu daripada penyiasatan dan pendapatan orang lain. Tidak ada suatu perkara yang dikutuk oleh Islam lebih daripada perkara meniru buta tuli. Islam tidak suka orang yang demikian rupa dan ia menggalakkan orang-orang supaya bebas dalam berfikir, hati tak jadi momok pun Tuhan tak suka dengan meniru buta tuli. Demikian juga hendak menjadi kafir. Islam suka tiap-tiap seorang itu mengambil keputusan di dalam sesuatu perkara dengan tidak membabi buta dan meniru sahaja.

Oleh itu, saya dengan kuatnya meminta daripada orang-orang kita yang terdidik secara barat itu mempelajari Islam terlebih dahulu. Kemudian kalau hendak menegur Islam, tegurlah apa-apa perkara yang di dapati tidak terang dan musykil dalam ajaran-ajaran Islam itu sendiri, dan janganlah tuan-tuan menegur Islam kerana tuan-tuan dapati seorang orientalis dalam bukunya, umpamanya. Menegur Islam, maka tuan-tuan pun mengikutnya dengan tak tahu hujung pangkal dan dengan tidak menyelidik terlebih dahulu adanya.

(Sambungan dari muka 31)

pula hendaklah dibiasakan dia memakai pakaian kain-kain kasar sahaja serta tiada beruran warna atau corak-corak yang cantik dan bukan setara. Demikian lagi biasakan dia tidur di atas tikar atau alas-alas yang nipis sahaja, supaya tubuh anggotanya terlatih menahan susah dan dengan demikian boleh menjadi keras dan tahan. Jangan tahu hendak bersedap-sedap sahaja.”

Kedua-dua pesanan ini ialah dihadapkan kepada ibu bapa dan oenjaga anak-anak dan kedua-duanya telah dilafazkan hampir 900 tahun dahulu oleh seorang penganjur besar Islam yang terkenal sebagai failasuf dan ahli fikiran tinggi di seluruh dunia Islam dan di seluruh dunia yang berpelajaran sekarang pun. Maka sungguhpun siasatan manusia dalam alam didikan, alam perguruan dan alam persekolahan telah jauh bertambah majunya zaman kita ini tetapi perkataan yang telah di katakan oleh al-Ghazālī itu masih tetap juga benarnya tiada berubah, kecuali tentang “membiasakan anak-anak” makan minum lebih kurang sahaja itu wajib diibaratkan perkataannya “pada terkadang-kadang masa” itu.

Dalam sambungan yang ketiga kelak kita akan bahaskan dari hal “melatih anak-anak mengenal baik dan jahat”.

Hampir Siap!

Cetak yang Ketiga!

* GUA MUSANG *

Mustahak disimpan dalam tiap-tiap rumah kerana buku ini menceritakan kisah yang sebenar-benarnya berlaku dalam masa pemerintahan Jepun yang dialami oleh seorang ibu Melayu.

Sedih!

Hebat!

Dasyat!

Harga senaskah \$1.20 – pos 10 sen

Pesanlah kepada :

QALAM

356 & 358, Geylang Road, Singapore 14.
